

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[THE ROLE OF ABDUL HAY KURBAN ALI TO THE DEVELOPMENT  
OF ISLAM IN TOKYO, JAPAN]**

**PERANAN ABDUL HAY KURBAN ALI TERHADAP PERKEMBANGAN  
ISLAM DI TOKYO, JEPUN**

SITI ZULFA PALEM ZAINOL<sup>1</sup>  
IZZIAH SURYANI MAT RESAD @ ARSHAD<sup>2\*</sup>

<sup>1</sup> Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam (ArabIC), Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA

<sup>2</sup> Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam (ArabIC), Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA

\*Corresponding Author: [izziah@ukm.edu.my](mailto:izziah@ukm.edu.my)

Received Date: 15 January 2021 • Accepted Date: 15 March 2021

**Abstract**

Abdul Hay Kurban Ali's arrival in Japan in 1924 has a huge impact on the development of Islam and towards the Muslim community in Tokyo Japan. The migration of the Turkic Tatar Muslim to Japan resulting from the Russian Revolution un 1917 has cause several Islamic Associations to emerge in Japan. Abdul Hay Kurban Ali was the leader of one of this Islamic Association for the Muslim community representing the Turkic-Tatar Muslim in Japan under the name *Mahalla Islamiya*. With this, Abdul Hay Kurban Ali has carried the interests from each of the Islamic Association from the Muslim community in Japan to build education institution and mosque in Tokyo, Japan. As such, Abdul Hay Kurban Ali cooperate with Syeikh Abdul Rashid Ibrahim in creating good relationship between Turkey and Japan to ease the construction of education institution and mosque in Tokyo, Japan. This research is a qualitative research using the historical history design. This research used the documentation method through data collection that focus on sources under four themes which is historical background of Abdul Hay Kurban Ali, the arrival of Islam in Japan, the role of Da'wah by Abdul Hay Kurban Ali and his contributions in Tokyo, Japan. Meanwhile, the researcher use descriptive and historical methods in analysing the data and sources under the prescribed themes. The finding from the research showed that the four thematic analyses has given a clear and organized information. The role of Abdul Hay Kurban towards the development of Islam in Tokyo, Japan is very significant for the Da'wah aspect towards the Japanese community, the Islamic Association of the Muslim community and the construction of education institution and mosque.

Keywords: Abdul Hay Kurban Ali, Muslim community, Turkey, Islam in Japan, mosque

## Abstrak

Kedatangan Abdul Hay Kurban Ali ke Jepun pada tahun 1924 memberi kesan yang besar terhadap perkembangan Islam dan komuniti Muslim di Tokyo, Jepun. Penghijrahan komuniti Muslim Turki Tatar ke Jepun akibat revolusi Rusia pada tahun 1917 telah menyebabkan wujudnya beberapa persatuan-persatuan Islam di Jepun. Abdul Hay Kurban Ali telah mengetuai salah satu daripada persatuan komuniti Muslim bagi bangsa Turki-Tatar di Jepun, *Mahalla Islamiya*. Menerusi hal ini, Abdul Hay Kurban Ali telah membawa hasrat daripada setiap persatuan-persatuan komuniti Muslim di Jepun untuk membina institusi pendidikan dan masjid di Tokyo, Jepun. Oleh itu, Abdul Hay Kurban Ali bekerjasama dengan Syeikh Abdul Rashid Ibrahim untuk mengadakan hubungan baik bersama kerajaan Turki dan Jepun bagi memudahkan pembinaan institusi pendidikan dan masjid di Tokyo, Jepun. Kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian sejarah. Kajian ini menggunakan metode dokumentasi melalui pengumpulan data dengan menfokuskan pada sumber-sumber yang berkaitan empat tema iaitu, sejarah latar belakang Abdul Hay Kurban Ali, kedatangan Islam di Jepun, peranan dakwah Abdul Hay Kurban Ali dan sumbangan beliau di Tokyo, Jepun. Manakala pengkaji menggunakan metode deskriptif dan metode sejarah untuk menganalisis data-data dan sumber-sumber menerusi tema yang ditetapkan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sumber-sumber menerusi empat tematik yang dikaji oleh pengkaji telah memberikan maklumat yang tersusun dan jelas. Peranan Abdul Hay Kurban Ali terhadap perkembangan Islam di Tokyo, Jepun amat besar jasanya dari aspek dakwah kepada komuniti Jepun, penyatuan persatuan-persatuan komuniti Muslim dan pembinaan institusi pendidikan dan masjid.

Kata kunci: Abdul Hay Kurban Ali, Komuniti Muslim, Turki, Islam di Jepun, Masjid

**Cite as:** Siti Zulfa Palem Zainol & Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad. 2021. Peranan Abdul Hay Kurban Ali terhadap Perkembangan Islam di Tokyo, Jepun. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 22(1): 119-128.

## PENGENALAN

Pada akhir abad ke-19M, kerajaan Jepun berhasrat membina hubungan diplomatik dengan Kerajaan Turki ‘Uthmaniyyah. Ekoran daripada itu, Kerajaan Jepun menghantar satu perwakilan ke Istanbul yang ketuai oleh Fukuchi Genichiro pada akhir tahun 1871. Kerajaan Turki memberi respons positif dengan menghantar perwakilan Turki ‘Uthmaniyyah ke Jepun melalui pelayaran Ertugrul pada tahun 1890M yang diketuai oleh Osman Pasha. Di sebalik tragedi yang berlaku kepada rombongan dari Turki ‘Uthmaniyyah tersebut, hubungan diplomatik yang lebih erat berlaku di antara kedua belah pihak. Pada tahun 1905, Kemenangan kerajaan Jepun ke atas Rusia memberi impak yang besar terhadap pengukuhan hubungan kerajaan Jepun dan kerajaan Turki ‘Uthmaniyyah. Menurut Ali Jirjawi telah menyatakan bahawa kerajaan Turki ‘Uthmaniyyah telah menghantar bantuan ketenteraan terhadap kerajaan yang diketuai oleh Pertew Pasha bagi memerangi kerajaan Rusia pada tahun 1904 hingga 1905 (Ibrahim, 2001; Samarrai, 2009).

Rentetan daripada perang Rusia-Jepun, kerajaan Jepun dan kerajaan Turki ‘Uthmaniyyah bekerjasama untuk memerangi kuasa Barat dan Rusia. Hal ini dapat dilihat melalui dasar Pan-Asianisme yang dibawa oleh kerajaan Jepun dan Pan-Islamisme yang dibawa oleh kerajaan Turki ‘Uthmaniyyah. Kedua-dua dasar ini mempunyai tujuan yang sama iaitu kesatuan. Pan-Asianisme membawa dasar kesatuan di negara-negara Asia. Manakala Pan-

Islamisme membawa dasar kesatuan dalam kalangan umat Islam (Mat Rofa, 2015). Kesan daripada peperangan Rusia-Jepun ke atas negara Rusia telah menyebabkan berlakunya beberapa siri revolusi di Rusia. Revolusi pertama berlaku pada tahun 1905 sehingga 1907. Ia diikuti siri revolusi yang terbesar berlaku pada tahun 1917 yang dinamakan Revolusi Boleshevik (Hee, 1997; Edstrom, 2002).

Revolusi Bolshevik menyebabkan komuniti Muslim berbangsa Tatar dari kawasan timur Moskow berhijrah dari Rusia ke negara-negara lain seperti China, Korea, Manchuria dan Jepun. Hubungan baik antara kerajaan Jepun dan kerajaan Turki ‘Uthmaniyyah telah menyelamatkan ribuan muslim berbangsa Tatar untuk berhijrah ke Jepun. Kerajaan Jepun telah memberi bantuan dari aspek kewangan dan penempatan kepada komuniti muslim (Abu Bakr, 1980; Esenbel, 2017). Sebelum penghijrahan komuniti Muslim ke Jepun, kerajaan Jepun telah meminta kerajaan Turki ‘Uthmaniyyah menghantar seorang ulama ke Jepun bagi memperkenalkan Islam di Jepun. Oleh itu, Sultan Abdul Hamid II telah menghantar Syeikh Abdul Rashid Ibrahim (1853-1944) ke Jepun pada akhir tahun 1908. Beliau merupakan wakil Pan-Islamisme yang menggembara sambil menyebarkan fahaman Pan-Islamisme sehingga ke Siberia, Turkestan, India, Singapura, China, Manchuria, Korea dan Jepun (Naito, 1931; Hee, 1997). Namun begitu, tujuan utama Syeikh Abdul Rashid Ibrahim ke Jepun adalah mengukuhkan hubungan diplomatik antara kerajaan Jepun dan kerajaan Turki ‘Uthmaniyyah. Impak daripada kedatangan Syeikh Abdul Rashid Ibrahim ke Jepun telah memudahkan kedatangan ulama-ulama Islam ke Jepun di samping menyebarkan dakwah Islam dalam kalangan komuniti Jepun. Antara ulama Islam yang berdakwah hingga ke Jepun adalah Abdul Hay Kurban Ali. Beliau merupakan seorang tentera Turki yang membantu kerajaan Jepun di wilayah Manchuria.

## LATAR BELAKANG ABDUL HAY KURBAN ALI

Kehidupan Abdul Hay Kurban Ali bermula di wilayah Orenburg, timur Rusia pada tahun 1890. Kurban Ali sama seperti Syeikh Abdul Rashid Ibrahim, mereka merupakan seorang daripada ahli komuniti Tatar Muslim Rusia yang berasal dari kelompok Baskir dan merupakan ahli Pan-Islamisme. Keperibadian beliau dari aspek kepimpinan tidak dapat dinafikan kerana beliau merupakan ketua bagi penghijrahan komuniti Turki ke China, Manchuria, Korea dan Jepun. Beliau menguasai bidang politik, ketenteraan, dakwah dan pendidikan. Oleh itu, beliau amat mementingkan penguasaan bahasa Turki, Arab, Rusia dan Jepun dengan baik bagi memudahkan penyebaran dakwah terhadap komuniti dari pelbagai negara. Melalui kelebihan ini, beliau telah berjaya menarik minat kerajaan Jepun dan kerajaan Turki ‘Uthmaniyyah untuk melantik beliau sebagai wakil perutusan antara kedua-dua negara. Beliau menerima pendidikan rendah dan menengah di *Madrasah Rasulia* di Troitsk. Pemulaan kerjaya beliau adalah sebagai pendidik dan pendakwah di Rusia. Pada Tahun 1916, beliau menjalani persediaan untuk menjadi ketua mufti *Mukhammat-Safa Bayazitov's*, iaitu *Orenburg Muslim Spiritual Assembly*. Namun begitu, usaha beliau untuk menjadi seorang mufti gagal akibat Revolusi Bolshevik 1917 (Imaizumi, 2017).

Pada akhir tahun 1920, Kurban Ali berhijrah ke Manchuria bersama komuniti Turki seramai 600 orang. Sebahagian daripada komuniti Turki tersebut menetap di Korea dan Manchuria, manakala sebahagian daripada mereka meneruskan penghijrahan ke Jepun bersama

Kurban Ali pada tahun 1921. Lanjutan dari itu, beliau dilantik sebagai pegawai tentera dan identiti ketenteraannya dirahsiakan kerana Kurban Ali merupakan perisik kepada kerajaan Jepun. Keberadaan Kurban Ali di Manchuria telah melibatkan beliau dengan komuniti Jepun secara langsung. Sehubungan itu, beliau mengemukakan sepucuk surat kepada kerajaan Turki ‘Uthmaniyyah pada awal Revolusi Bolshevik. Namun surat tersebut tiba setahun selepas itu (Edstrom, 2002; Esenbel, 2017).

Kurban Ali menyatakan dalam surat tersebut akan kepentingan hubungan kerajaan Turki ‘Uthmaniyyah dan Jepun dari aspek ketenteraan, kebudayaan, ekonomi dan politik. Beliau menyebut mengenai gabungan dasar Pan-Islamisme dan Pan-Asianisme yang akan membantu kerajaan Turki ‘Uthmaniyyah dan kerajaan Jepun menghalang kuasa Barat dan Rusia ke atas negara-negara Asia dan umat Islam. Tambahan pula, kegawatan politik Rusia memberi kesan yang buruk ke atas komuniti Turki, Tatar, Azerbaijan dan Kazan. Komuniti Muslim Rusia turut menginginkan hak kebebasan daripada cengkaman Rusia. Oleh itu, kesatuan kerajaan Jepun dan kerajaan Turki ‘Uthmaniyyah akan membentuk persamaan dari aspek kemanusiaan dan kedamaian. Kurban Ali turut mencadangkan supaya memberi perhatian kepada pelajaran bahasa Turki dan budaya Turki kepada kerajaan Jepun bagi menghapus kekangan bahasa di antara Turki dan Jepun.

Rentetan daripada surat tersebut, kerajaan Turki ‘Uthmaniyyah dan kerajaan Jepun telah memberi autoriti kepada beliau untuk mengajar bahasa Turki dan bahasa Jepun di pusat ketenteraan di Jepun pada tahun 1921. Selepas ketibaan beliau di Jepun, Kurban Ali telah berhenti menjadi perisik ketenteraan sebaliknya fokus kepada pembelajaran bahasa Turki dalam komuniti Jepun. Antara tentera Jepun yang mempelajari bahasa Turki dan bahasa Rusia adalah Mitsuru Toyama (1855-1944), Itsyoki Inugai (1855-1932) dan Shigenobu Okuma (1838-1922) (Ibrahim, 2001). Perkembangan yang berlaku membolehkan Kurban Ali mencapai misi memperkenalkan Islam dan budaya Islam dalam kalangan komuniti Jepun. Penglibatan Kurban Ali tidak terhad dalam bidang ketenteraan, beliau meneruskan penglibatan dalam kalangan pegawai tertinggi kerajaan Jepun seperti Hirota Koki, Baron Kiichiro, Inukai Tsuyoshi, Toyama Mitsuru, Matsuoka Yosuke dan Tanaka Giichi. Kurban Ali memberi perhatian dari aspek pengukuhan pengaruh hubungan Turki-Jepun bagi memudahkan aktiviti penyebaran Islam dan Pan-Islamisme di Jepun (Edstrom, 2002).

Pengaruh Kurban Ali semakin meluas sehingga melangkaui bidang politik. Justeru, beliau meneruskan dasar Pan-Islamisme di samping menyebarkan dakwah Islam di Jepun. Dalam tempoh setahun, beliau telah mempelajari sistem politik, ketenteraan, kebudayaan dan bahasa Jepun dengan baik. Hal ini menyebabkan beliau menjadi orang peting atau ‘orang kanan’ bagi kerajaan Jepun dan kerajaan Turki ‘Uthmaniyyah dengan membawa dasar Pan-Asianisme dan Pan-Islamisme sebagai kesatuan Asia dalam kalangan komuniti Muslim (Sakurai 2003; Nouh 2012). Seterusnya, Kurban Ali meneruskan penghijrahan dari Jepun ke Korea, China dan Rusia. Selepas peperangan dunia kedua, Kurban Ali ditangkap oleh *Soviet Secret Police* dan ditahan selama sepuluh tahun di penjara *Vladimir Central*. Pada tahun 1955, beliau meneruskan dakwahnya di Rusia dan rantau Turki namun beliau tidak kembali ke Jepun kerana kepincangan yang berlaku dalam hubungan antara kerajaan Jepun dan kerajaan Turki. Beliau meninggal dunia pada tahun 1972 di wilayah Chelyabinsk.

## KEDATANGAN ISLAM DI JEPUN

Kemasukan Islam di Jepun yang dicatat dalam sejarah bermula pada akhir abad ke-19M, tidaklah bermula seawal di negara Malaysia mahupun Nusantara pada abad ke-7M sehingga ke-12M. Tidak terdapat sebarang rekod kedatangan Islam sebelum era Maharaja Meiji pada tahun 1868. Kesukaran Islam untuk memasuki negara Jepun kerana *Dasar Tutup Pintu* yang dipegang oleh kerajaan Jepun bagi mengelak unsur negatif mahupun ancaman dari negara-negara Asing (Hosaka, 2011; Esenbel, 2017)

Namun begitu, kerajaan Jepun telah mengadakan perjanjian perdagangan pertama yang dimeterai dengan kerajaan Barat pada era pemerintahan Iesada pada tahun 1854 yang dinamai Perjanjian Kanagawa. Perjanjian ini berlaku disebabkan kerajaan Jepun mendapat tekanan yang besar daripada Komander Perry dari Amerika Syarikat yang mengatakan bahawa beliau akan mengebom Jepun jika kerajaan Jepun tidak membuka dasar luar terhadap negara-negara Barat seperti England, Rusia dan Holland. Oleh yang demikian, Jepun membuka dasar isolasi selama dua abad dengan negara luar (Eeman, 2002; Siddiqi, 2014a). Dasar keterbukaan ini diteruskan oleh Maharaja Meiji bagi mengubah sistem politik, ekonomi dan sosial ke arah kemajuan yang sejagat. Kehebatan negara Islam seperti kerajaan Turki ‘Uthmaniyyah turut mendapat peluang mengadakan perjanjian perdagangan pada tahun 1887 yang dikemukakan oleh wakil Jepun Fukuchi Genichiro dan diteruskan penghantaran wakil melalui Putera Komatsu pada tahun 1887 dengan sepucuk surat daripada Maharaja Meiji. Namun begitu, perjanjian ini menghadapi kegagalan akibat ancaman daripada kuasa Barat dan Rusia.

Walaupun begitu, Kerajaan Turki ‘Uthmaniyyah tidak menghentikan hubungan perdagangan dengan kerajaan Jepun sebaliknya Sultan Abdul Hamid II menghantar wakil negara selama tiga bulan ke Jepun melalui pelayaran kapal Ertugrul seramai 655 orang yang diketuai oleh Osman Pasha. Meskipun begitu, pelayaran Ertugrul merupakan tragedi hitam akibat ribut taufan telah menenggelamkan kapal Ertugrul berhampiran kepulauan Kyushu. Kedatangan wakil Turki di Jepun sedikit sebanyak telah membuka ruang kemasukan Islam di Jepun melalui aktiviti perdagangan dan politik (Abu Bakr, 1980; Siddiqi, 2014b; Esenbel 2017).

Pada tahun 1906, kerajaan Jepun melancarkan kongres agama di Tokyo. Kongres agama ini terbuka kepada semua negara dan agama yang ada di dunia. Kebanyakan negara menghantar perwakilan agama seperti Buddha, Hindu, Kristian dan Islam. Namun terdapat kepincangan tarikh sebenar kongres tersebut. Menurut satu daripada akhbar Istanbul bertajuk *Iqdam* menyatakan tarikh ialah pada 19 Mei 1906, manakala akhbar Perancis berjudul *Rappel* pula menyatakan pada 19 Jun 1906. Meskipun kepincangan tarikh berlaku, terdapat beberapa ulama dan sarjana Islam di Jepun menghadiri kongres tersebut, antaranya seperti Syed Osman Allawy wakil daripada Indonesia, Abdul Rahman Thompson wakil daripada New Zealand dan Husain Abdul Munium atau Sararaz Husain dari India. Kehadiran ulama dan sarjana Islam untuk kongres Islam ini telah mewujudkan kefahaman antara budaya Islam dan Jepun (Ibrahim, 2001; Nouh, 2012). Perkembangan Islam terus berlangsung secara pesat pada akhir tahun 1909 sehingga 1910 melalui kedatangan Syeikh Abdul Rashid Ibrahim, Ahmad Fadhly, Ali Ahmad Jirjawi dan Moulavi Barakatullah. Biarpun ketibaan mereka lewat daripada tarikh kongres agama, penyebaran fahaman dan dakwah Islam tetap dilakukan dalam kalangan komuniti Jepun dan komuniti Muslim. Penempatan Islam terawal di Jepun berpusat di Kobe, Osaka dan Tokyo.

Hal ini terbukti dengan pembinaan masjid terawal di Jepun, masjid Kobe 1935 dan masjid Tokyo 1938.

### **PERANAN DAKWAH ABDUL HAY KURBAN ALI DI TOKYO**

Kedatangan Kurban Ali di Jepun, bukan sekadar mengasaskan hubungan politik antara kerajaan Turki ‘Uthmaniyyah dan kerajaan Jepun. Beliau juga mengasaskan penyebaran dakwah Islam dalam komuniti Jepun dan membentuk kesatuan Islam dalam komuniti Muslim terutama komuniti Turki. Dalam karya al-Ma’soomi (1998) menyatakan beliau menerima sepucuk surat daripada pendakwah Jepun, iaitu Abdul Hay Kurban Ali yang menanyakan mengenai mazhab-mazhab dalam Islam yang bersesuaian untuk digunakan di Jepun agar dapat menyeragamkan penyebaran dakwah dan perkembangan Islam di Jepun. Menerusi hal ini, Kurban Ali amat menitikberatkan dakwah Islam di Jepun kerana perbezaan agama Islam dan agama Shitoism mempunyai dasar yang berbeza dari sudut akidah. Tambahan pula, penghijrahan Muslim di Jepun bukan sekadar daripada kalangan Turki, sebaliknya terdapat juga minoriti Muslim dari Pakistan dan India. Perbezaan mazhab menjadi punca perpecahan umat Islam di Jepun (Abdul Karim, 1979; al-Ma’soomi, 1998).

Perbezaan mazhab berlaku dalam komuniti Muslim Jepun kerana komuniti Muslim India atau Pakistan memegang mazhab Imam Abu Hanifah, manakala komuniti Turki memegang mazhab Imam Shafi’e. Bagi menyelesaikan masalah tersebut, Kurban Ali telah meminta pendapat daripada ulama seperti Syeikh Muhammad al-Ma’soomi untuk menyebarkan dakwah Islam dalam kalangan Muslim India, Pakistan, Turki dan Jepun. Agama Islam adalah berasaskan al-Quran dan al-Sunnah bukanlah sekadar pegangan mazhab. Perbezaan mazhab bukan isu yang menghalang kesatuan umat Islam. Oleh itu, konsep dakwah dinyatakan oleh Syeikh Muhammad al-Ma’soomi kepada Kurban Ali adalah konsep dakwah yang mencari persamaan di antara mazhab berpandukan al-Quran dan al-Sunnah. Seterusnya, perbezaan mazhad adalah perbezaan pendapat antara ulama besar tetapi tidak bercanggah dengan al-Quran dan as-Sunnah. Oleh itu, penggunaan mazhad Hanafi dan Shafi’e perlu diterima secara rasional oleh komuniti Muslim Turki, India dan Pakistan agar dapat menyatukan perpaduan dalam komuniti Muslim (al-Ma’soomi, 1998; Siddiqi, 2008).

### **KAEDAH DAKWAH ABDUL HAY KURBAN ALI**

Bagi mencapai kesatuan umat Islam di Jepun, Kurban Ali melakukan penyebaran dakwah Islam melalui media akhbar dan pembentukan organisasi Muslim mengikut kawasan bagi memudahkan penyebaran dakwah secara berterusan. Penghasilan artikel, akhbar, majalah dan risalah mengenai Islam merupakan kaedah dakwah yang terbaik di Jepun kerana komuniti Jepun mempunyai sifat rajin membaca. Terbitan majalah pertama adalah *Islamic Fraternity* yang dihasilkan oleh Muhammad Barakatullah kemudian karya risalah *Yaban Makhbari* dalam bahasa Turki Tatar oleh Abdul Hay Kurban Ali. Pengeluaran risalah berdasarkan daripada ayat-ayat al-Quran sebagai dakwah Islam diteruskan melalui penerbitan *Tokyo Mohammedan Press*. Kesatuan umat Islam kian utuh, kerjasama antara komuniti Turki, India, Pakistan dan Muslim Jepun dapat dilihat melalui penyelarasan matlamat penubuhan organisasi Islam di Jepun. Terdapat empat penubuhan organisasi Muslim di Jepun ada tahun 1932 sehingga 1943.

Matlamat setiap organisasi hampir sama iaitu memperkenalkan Islam kepada komuniti Jepun, mengedarkan bahan-bahan ilmiah atau majalah mengenai Islam, pembiayaan pengajian dan pendidikan agama terhadap golongan yang baru memeluk Islam, penukaran idea-idea antara organisasi Muslim di Jepun dan negara-negara Islam dan menubuhkan pusat pengajian dan pembinaan masjid di Jepun.

Pertama, organisasi *Isuramu Bunka Kenkyuu-Jo* (Islamic Culture Research Institute) ditubuhkan pada tahun 1932. Persatuan ini diketuai oleh 17 orang ulama dan menerbitkan risalah Islam tiga kali setahun. Kedua, *Kaikyou-Ken Kenkyuu-Jo* (Muslim World Resesrch Institute) ditubuhkan pada 1937. Persatuan ini diketuai oleh Prof. Hisao Matsuda dan Prof. Koji Okubo. Penghasilan risalah Islam dilakukan setiap bulan bagi mempercepatkan proses dakwah di Jepun. Ketiga, organisasi *Dai Nippon Kaikyou Kyoukai* (Great Japan Islamic Association) ditubuhkan pada tahun 1938. Persatuan ini ditubuhkan oleh General Senjuro Hayashi. Beliau merupakan presiden persatuan ini dan menghasilkan terbitan majalah Islam setiap bulan. Organisasi *Kaikyou Jijo* merupakan organisasi terakhir yang ditubuhkan pada akhir tahun 1938. Persatuan ini ditubuhkan oleh Kementerian Hubungan Luar Jepun dan dibantu oleh negara-negara Islam seperti rantau Arab dan kerajaan Turki (Hee, 1989)

Pekembangan agama Islam di Jepun banyak dipengaruhi persatuan komuniti Islam. Bukan itu sahaja, perkembangan persatuan turut membuahkan hasil yang positif melalui penerbitan al-Quran, penterjemahan al-Quran dalam bahasa Jepun dan majalah-majalah tentang Islam. Dengan pendekatan yang digunakan oleh organisasi-organisasi Islam di Jepun dapat menangkis pemikiran negatif terhadap masyarakat Islam Jepun. Meskipun, bilangan masyarakat Jepun memeluk Islam tidak ramai namun komuniti Islam di Jepun semakin bertambah jumlahnya. Kesatuan persatuan komuniti Islam Jepun turut menyumbang kepada pembinaan institusi pendidikan dan pembinaan masjid Kobe dan masjid Tokyo.

## **KESAN PENGHIJRAHAN ABDUL HAY KURBAN ALI DI TOKYO**

Penghijrahan komuniti Turki di bandar Tokyo pada tahun 1921 dikenali sebagai komuniti *Mahallah Islamiyya*. *Mahallah Islamiyyah* diketuai oleh Kurban Ali sebagai penyelarasan dan penyatuan komuniti Turki di Jepun. Bagi menjaga kemaslahatan Muslim di Jepun, kerajaan Jepun telah menyatakan satu polisi terhadap Islam. Polisi tersebut membenarkan penyebaran agama Islam selagi mana tidak bercanggah dengan undang-undang negara Jepun. Menerusi polisi ini, perkembangan komuniti Turki semakin bertambah pesat di Jepun sehingga menyebabkan berlakunya permasalahan institusi pendidikan Islam dan masjid di Jepun (Fauziah, 2011). Oleh itu, Kurban Ali bersatu bersama komuniti Muslim menyatakan hasrat tersebut kepada kerajaan Jepun. Pengaruh yang dibawa oleh Abdul Hay Kurban Ali dan kesatuan umat Islam di Jepun memberi dua kesan yang besar dari aspek institusi pendidikan dan institusi Masjid.

### **Institusi Pendidikan**

Dokumentasi mengenai institusi pendidikan di Tokyo, Jepun sukar didapati kerana pemindahan institusi pendidikan kepada beberapa tempat. Penubuhan Sekolah Islam Tokyo pada tahun 1929 di bandar Shinokubo telah dirasmikan oleh Abdul Hay Kurban Ali. Beberapa

tahun kemudian, Kurban Ali telah memindahkan sekolah ke bandar Yoyogi Uehara. Penubuhan sekolah di kawasan Yoyogi Uehara ini membawa sinar baru dalam Islam di Tokyo kerana Kurban Ali telah mengemukakan pembinaan masjid Tokyo berhampiran Sekolah Islam Tokyo.

Kurban Ali menggalas tanggungjawab sebagai ketua bagi Sekolah Islam Tokyo telah mengadakan aktiviti penanaman pokok berhampiran Kuil Meiji sebagai tanda penghargaan dan penghormatan kepada kerajaan Jepun dan komuniti Jepun. Sistem pendidikan sekolah Islam Tokyo berbeza dengan sistem sekolah Jepun. Perbezaan yang ketara adalah sistem tanpa pakaian seragam dan aktiviti luar sekolah lebih banyak berbanding dalam sekolah.

### **Institusi Masjid**

Masjid merupakan perkara penting bagi Muslim kerana masjid merupakan tempat beribadat kepada Allah Taala. Kesukaran yang dihadapi oleh golongan minoriti Muslim adalah pembinaan sebuah masjid. Hal ini kerana pembinaan masjid memerlukan kos yang banyak dan persetujuan atau kelulusan daripada negara yang diduduki. Sejarah pembinaan masjid Tokyo telah dinyatakan oleh Syeikh Abdul Rashid Ibrahim pada tahun 1909 namun akibat kekangan kewangan dan masa pembinaan masjid diambil alih oleh Abdul Hay Kurban Ali.

### **Pembinaan Masjid Tokyo 1938**

Sebelum pembinaan masjid Tokyo, terdapat surau atau ruang solat di Bandar Izumi, Osaka pada tahun 1905, sebuah ruang yang dijadikan tempat ibadat oleh orang Rusia Muslim yang datang sebagai tawanan perang di Jepun. Lanjutan daripada itu, Masjid Kobe merupakan masjid pertama yang dibina di Jepun pada tahun 1935. Masjid Kobe dibina melalui sumbangan masyarakat India di Jepun. Tempoh pembinaan masjid Kobe adalah hampir lapan tahun bermula dari 1928. Akhirnya, pembinaan masjid Tokyo pada tahun 1938 di Tokyo oleh Syeikh Abdul Rashid Ibrahim dan komuniti Muslim Jepun. Syeikh Abdul Rashid telah dilantik sebagai imam masjid Tokyo pada hari perasmian masjid Tokyo (Abu Bakr, 1980; Siddiqi, 2014a).

Pembukaan masjid Tokyo pada 12 Mei 1938 mendapat sambutan yang meluas dari seluruh dunia termasuk Asia Tenggara, India, China dan Timur Tengah. Majlis pembukaan masjid Tokyo dihadiri oleh beberapa pegawai tinggi politik Jepun dan negara-negara Islam. Ketika perasmian majlis tersebut, antara tetamu istimewa yang hadir ialah Amir Saiful Islam al-Hussein, Putera Yaman, Syeikh Hafiz Wahaba kedutaan Arab Saudi dan Wakil kedutaan Mesir di Tokyo. Wakil dari pihak kerajaan Jepun yang hadir untuk majlis perasmian ini ialah Mitsuru Toyama dan Jeneral Iwane Matsui serta beberapa menteri yang turut hadir ke majlis pembukaan Masjid Tokyo (Abu Bakr, 1980; Abdul Karim, 1979; Samarrai, 2009).

### **Pembinaan Masjid Tokyo 2000**

Pembinaan semula masjid Tokyo dilakukan pada tahun 1986, masjid Tokyo dirobohkan disebabkan kerosakan pada struktur bangunan yang teruk akhir beberapa gempa bumi. Pelbagai persatuan komuniti Muslim di Jepun memainkan peranan yang besar untuk pembinaan semula masjid Tokyo. Persatuan Turki dan masyarakat Muslim tempatan di Jepun bekerjasama dengan kerajaan Turki untuk membina semula masjid Tokyo. Pembinaan semula masjid ini

menghadapi pelbagai halangan dan tentangan daripada beberapa individu dan kerajaan Jepun apabila kerajaan Turki ingin membina masjid Tokyo bersama Pusat Kebudayaan Turki. Pelbagai cara yang dilakukan oleh kerajaan Turki untuk mendapatkan kelulusan tersebut sehingga kerajaan Turki perlu membayar sebanyak USD12,000,000.00 (Abu Bakr, 1980; Hiroshi, 2002).

Proses pembinaan semula masjid Tokyo bermula dengan aktiviti pengutipan dana dan sumbangan. Sebuah jawatankuasa telah dibentuk pada tahun 1996 diketuai oleh Temimdar Muhit dan dibantu oleh Abdur Rahman Siddiqi. Jawatankuasa ini ditugaskan untuk menguruskan dana dan sumbangan daripada umat Islam di seluruh dunia. Dana dan sumbangan yang diperoleh dari Barat seperti Jerman, Belgium, Austria, Belanda, Perancis, Norway dan Australia. Masyarakat Islam Jerman telah menyumbang jumlah yang tertinggi USD600,770.00 dan Holland menyumbang sebanyak USD138,975.00. Sumbangan yang diperoleh dari negara-negara Asia, H.E. Zuhailwo telah mendermakan USD450,000.00, manakala Anwar Ibrahim telah menyumbang sebanyak USD300,00.00 dan masyarakat Pakistan telah menyumbangkan USD295,000.00. Jumlah yang dikumpulkan untuk dana kewangan masjid Tokyo ialah USD1,974,166.00. Tempoh pengutipan dana dan kewangan mengambil masa hampir dua tahun (Siddiqi, 2014a; Zelef, 2003).

## KESIMPULAN

Kehadiran Abdul Hay Kurban Ali di Jepun merupakan faktor penting bagi perkembangan Islam di Jepun bermula pada tahun 1921. Meskipun, sekolah Islam Tokyo sudah tiada pada hari ini namun kesan daripada penyebaran dakwah beliau masih wujud melalui masjid Tokyo. Pembinaan semula masjid Tokyo telah berlaku pada tahun 2000, namun asas pembinaan masjid Tokyo ini bersumberkan idea dan usaha daripada Abdul Hay Kurban Ali, Syeikh Abdul Rashid Ibrahim serta seluruh komuniti Muslim di Jepun pada awal abad ke-20M. Perkembangan agama Islam di Jepun menghadapi kesukaran selepas Peperangan Dunia Kedua kerana kemelut politik dunia dan pegangan masyarakat Jepun yang kuat dengan Shintoism dan Buddhism. Oleh itu, pelbagai usaha yang telah dilakukan oleh persatuan komuniti Islam Jepun dalam menyebarkan dakwah Islam dan mempertahankan masyarakat Islam Jepun. Kesatuan umat Islam merupakan faktor penting bagi menyebarkan dakwah Islam di negara bukan Islam.

## RUJUKAN

- Abdul Karim, S. (1979). The historical journey of Islam Eastward and the Muslim community in Japan today. *Journal Institute of Muslim Minority Affairs* 1(1): 121-126.
- Abu Bakr, Morimoto. (1980). *Islam in Japan; Its Past, Present and Future*. Islamic Centre of Japan: Tokyo.
- al-Ma'soomi, Muhammad. (1998). *Should A Muslim Follow A Particular Madhab*. Jeddah: Darussalam.
- Edstrom, B. (2002). *Turning Points in Japanese History*. Finland: Routledge.
- Eeman Mohamed Abbas. (2002). *Sultan Abd al-Hamid II dan Kejatuhan Khilafah Islamiah (Peranan dan Gerakan Nasionalis & Golongan Minoriti): Kajian Sejarah dan*

- Pemikiran daripada Tahun (1876-1909M/1293-1327H)*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Esenbel, S. (2017). *Japan on the Silk Road: Encounters and Perspectives of Politics and Culture in Eurasia*. Japan: Brill Japanese Studies Library.
- Fauziah Fathil. (2011). *Islam in Minority Muslim Countries: A case Study on Japan and Korea*. Gombak: IIUM Press.
- Hee Soo Lee. (1989). *Osmali Japon Munasebetleri ve Japonya'da Islamiyet*. Ankara: Turkiye Diyanet Vakfi.
- Hee Soo Lee. (1997). *The Advent of Islam In Korea*. Istanbul: Research Centre of Islamic History, Art and Culture (IRCICA).
- Hiroshi, Nagaba. (2012). *Japan and Turkey Historical Proccess for Diplomatic Relations*. Tokyo: Institute of Developing Economies Tokyo.
- Hosaka, Shuji. (t.th.). *Japan and The Gulf: A Historical Perspective of Pre-Oil Relations*. Japan: Kyoto Bulletin.
- Ibrahim, Samir. (2001). *al-Islam wa al-Adyan fi al-Yaban*. Riyad: al-Maktabah al-Malik 'Abd al-'Aziz.
- Imaizumi, Yoshiko. (2017). *A Tatar's Tree Narrating the Centenary of a Forest*. Tokyo: Nichibun Publication.
- Mat Rofa Ismail. (2015). *Kerdipan Bintang Melayu di Langit Turki*. Kuala Lumpur: Grup Buku Karangraf.
- Muhammad Abdur Rahman Siddiqi. (2008). *Islam Shine in Japan Perspective and Prospects*. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen.
- Naito, Chiisu. (1931). *Nitto-Khoho Shi. Japan Ottoman Relation History*. Tokyo: Izumi Shoinban.
- Nouh, Samir. (2012). *Muslim In Japan With The Comparison Of Those In Europe*. Bayrut: Mu'assasat al-Risalah.
- Sakurai, Keiko. (2003). *Muslim Society in Japan*. Tokyo: Chikumo Shob.
- Samarrai. S.M. (2009). *Islam in Japan: History, Spread and Institutions in the Country*. Tokyo: Islamic Centre of Japan.
- Siddiqi, Muhammad Abdur Rahman. (2014a). *A Case Study of Tokyo Mosque*. Gombak: IIUM Press.
- Siddiqi, Muhammad Abdur Rahman. (2014b). *Da'wah Conteporary Japanese Society: A Case Study of Tokyo Mosque*. Gombak: IIUM Press.
- Zelef, M.H. (2003). *A Research On The Representation of Turkish National Identity: Buildings Abroad*. Ankara: Middle East Technical University.